

07/02/2003

30 filem bakal sertai KLWFF 2003

Akmal Abdullah

ORANG ramai dipelawa untuk menonton pelbagai filem asing terpilih yang akan ditayangkan sempena Festival Filem Sedunia Kuala Lumpur atau KLWFF (Kuala Lumpur World Film Festival) 2003 di ibu negara sempena Sidang Kemuncak Ke-13 Pergerakan Negara-negara Berkecuali (NAM) yang berlangsung pada 20-25 Februari ini.

Festival itu yang buat pertama kalinya diadakan bertemakan 'Keamanan, Harmoni, Tanpa Keganasan dan Tanpa Diskriminasi'. Ia sebagai simbol perjuangan dan suara hati NAM, sesuai dengan seruan mencipta kesejahteraan dunia untuk masa depan berikutan pergolakan politik antarabangsa masa kini.

Acara tiga hari itu akan diadakan lebih awal iaitu sebelum sidang kemuncak berkenaan, bermula 16 Februari hingga 18 Februari ini. Ia diisi kegiatan tayangan filem, majlis anugerah dan sesi lawatan.

Perasmian KLWFF diadakan di Dataran Merdeka pada 16 Februari yang dijangka disempurnakan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Sehingga semalam, sebanyak 20 judul filem sudah disahkan menyertai festival itu membabitkan negara seperti Australia, China, Perancis, Finland, Italy, New Zealand, Switzerland, Thailand, Vietnam, Morocco, Uzbekistan, Bosnia Herzegovina, Britain, Jerman, Iran, Sri Lanka, Mexico, Namibia dan Emiriah Arab Bersatu.

Malaysia selaku tuan rumah turut mengambil bahagian dengan menyertakan filem arahan Dr Mahadi J Murat berjudul Sayang Salmah. Filem itu dibintangi Fauziah Nawawi, Sidi Oza, Azhar Sulaiman dan Norish Karman.

Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia (Finas) yang menjadiurus setia penganjur kini membuat persiapan rapi untuk KLWFF sebagai usaha menjadikan ia acara penuh bermakna sesuai dengan imej Malaysia di pentas antarabangsa.

Penolong Pengarah Promosi Finas, Norshah Thamby, berkata KLWFF diselenggarakan Kementerian Penerangan dan Finas yang mensasarkan 30 negara akan mengambil bahagian dalam festival yang julung kali diadakan itu.

"Ini adalah pertama kali seumpamanya di Kuala Lumpur yang bertaraf antarabangsa sempena sidang kemuncak NAM. Jika untuk dijadikan acara tahunan, ia belum pasti dan akan dibincangkan terlebih dulu kelak. Yang pasti, festival ini ada kepentingannya sebagai usaha memberi kesedaran sejagat menerusi filem.

"Majlis anugerah juga diadakan dengan penyediaan tujuh anugerah, iaitu tiga untuk filem terbaik mengikut kategori iaitu Filem Terbaik Keamanan, Filem Terbaik Tanpa Keganasan dan Filem Terbaik Tanpa Diskriminasi. Barisan juri akan dipilih dan dibahagikan kepada dua peringkat. Untuk peringkat akhir, kita akan mengambil tiga juri dari luar negara dan empat juri tempatan.

"Selain itu, empat anugerah lagi juga diperkenalkan iaitu Anugerah Khas Juri. Kita berharap sasaran 30 judul filem akan tercapai menjelang tarikh KLWFF. Pendaftaran bermula 14 Februari ini. Majlis anugerah dijangka diadakan malam 18 Februari di Hotel Mandarin Oriental Kuala Lumpur.

"Tayangan filem akan dibuat di pawagam Tanjung Golden Village di Suria KLCC dan pawagam Golden Screen Cinemas di Mid Valley Megamall," katanya kepada Persada Seni.

Norshah yang juga pegawai urusetia KLWFF berkata, antara judul filem yang menyertainya ialah Comrade Bojkenzhaev yang mewakili Uzbekistan, 10 Minuta (Bosnia Herzegovina), Bend It Like Beckham (Britain), Nowhere In

Africa (Jerman), Under The Moonlight (Iran), Little Angel dan Fire And Water (Sri Lanka), In Case I Won't See You Again (Mexico), Sophia's Homecoming (Namibia) dan Muhammad The Last Prophet (Emiriah Arab Bersatu).

Filem lain ialah Home Of The Ranch yang mewakili Australia, Grand Illusion (Perancis), Seven Songs From The Tundra (Finland), The Profession Of Arms (Italy), The Price Of Milk (New Zealand), Leo Sonny Boy (Switzerland), Mekong Full Moon Party (Thailand) dan Thirst (Morocco).